

RETORIK DALAM UCAPAN PERDANA MENTERI MALAYSIA KE-10

(RHETORIC IN THE SPEECH OF THE 10TH PRIME MINISTER OF MALAYSIA)

ROS LI, M. N. A.^{1*} – SALLEH, N. A. A. M.¹ – RAZALI, A. M. M.¹

¹ *Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Selangor, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: akmalrosli[at]uitm.edu.my*

(Received 18th March 2025; revised 25th June 2025; accepted 09th July 2025)

Abstrak. Pemakaian bahasa yang menarik dan indah dapat memujuk atau mempengaruhi khalayak terhadap perkara yang hendak diutarakan. Hal ini mempunyai hubungan yang rapat dengan bidang retorik kerana merangkumi cara penyampaian yang berkesan dan penggunaan bahasa yang estetik. Retorik juga melibatkan penggunaan bahasa yang memfokuskan aspek keterampilan, kesantunan dan bahasa yang berkesan dalam komunikasi secara lisan atau tulisan. Pemakaian retorik yang tepat dapat memudahkan pembaca memahami idea yang ingin disampaikan sekali gus dapat menghasilkan sebuah penulisan atau ucapan yang menarik serta berkualiti. Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis jenis retorik dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-10. Data kajian diperoleh daripada teks ucapan Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-19 Tahun 2024. Penganalisan data dilakukan terhadap teks ucapan tersebut berlandaskan Teori Retorik Moden yang mengemukakan lima jenis retorik iaitu retorik penceritaan, retorik pemerian, retorik pendedahan, retorik penghujahan dan retorik pemujukan. Sehubungan dengan itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis teks bagi memperoleh data-data yang sesuai dengan objektif yang hendak dicapai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat daripada lima jenis retorik yang digunakan dalam teks ucapan ini iaitu retorik pendedahan, retorik penghujahan, retorik pemujukan dan retorik penceritaan. Melalui penggunaan retorik dalam teks ini, ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-10 kelihatan lebih berkaliiber dengan bahasanya yang sopan dan mudah difahami serta dapat menarik minat pembaca. Selain itu, kebijaksanaan dan kritis dalam memilih diksi yang tepat dapat menghasilkan ucapan yang sangat berkesan dan mampu mempengaruhi khalayak. Jelaslah bahawa pengaplikasian retorik sangat efisien dalam penghasilan teks ucapan yang menarik dan berkualiti.

Katakunci: *jenis retorik, ucapan, Perdana Menteri Malaysia, majlis amanat perdana perkhidmatan awam, teori retorik moden*

Abstract. The use of appealing and elegant language can persuade or influence the audience regarding the matter being presented. This is closely related to the field of rhetoric, as it encompasses effective delivery methods and the aesthetic use of language. Rhetoric also involves the use of language that emphasizes eloquence, politeness, and effectiveness in both spoken and written communication. The precise application of rhetoric can help readers better understand the intended ideas, thus producing an engaging and high-quality piece of writing or speech. Therefore, this study aims to identify and analyze the types of rhetoric used in the speech of Malaysia's 10th Prime Minister. The research data is obtained from the text of the 19th Public Service Premier Address 2024. The data analysis is carried out on the speech text based on the Modern Rhetoric Theory, which proposes five types of rhetoric: narrative rhetoric, descriptive rhetoric, exposition rhetoric, argumentation rhetoric, and persuasive rhetoric. Accordingly, this study employs a qualitative approach through text analysis methods to obtain data that aligns with the intended objectives. The findings indicate that four out of the five types of rhetoric are present in the speech text, namely exposition rhetoric, argumentation rhetoric, persuasive rhetoric, and narrative rhetoric. Through the use of rhetoric in this text, the speech of Malaysia's 10th Prime Minister appears more competent, with polite and easily understood language that attracts readers' interest. In addition, wisdom and critical thinking in choosing the right diction result in a highly effective speech capable of influencing the audience. It is evident that the application of rhetoric is highly effective in producing an engaging and high-quality speech text.

Keywords: *types of rhetoric, speeches, Prime Minister of Malaysia, majlis amanat perdana perkhidmatan awam, modern rhetorical theory*

Pengenalan

Istilah retorik adalah berasal daripada perkataan Greek iaitu *tenhne rhetorike* yang membawa maksud *art of speech* atau seni berpidato. Retorik ialah satu bidang yang menekankan seni penggunaan bahasa yang indah, menarik dan berkesan dengan tujuan memujuk, mempengaruhi, serta menarik perhatian khalayak terhadap idea atau maklumat yang ingin disampaikan. Dalam pertuturan atau penulisan, retorik digunakan sebagai salah satu elemen yang penting untuk menghasilkan satu ucapan atau karya berkualiti. Retorik bukan sahaja mampu untuk memperindah naratif tetapi juga memperkukuh penyampaian usul atau hujah secara berkesan. Menurut Razak et al. (2016), retorik merujuk kepada penggunaan bahasa yang mampu mempengaruhi minda dan tingkah laku audiens. Selain itu, keterampilan dalam menyampaikan ucapan dan menulis melalui penggunaan bahasa yang bersifat memujuk juga penting bagi menarik minat khalayak terhadap sesuatu mesej. Kamaruddin et al. (2020) menegaskan bahawa retorik melibatkan penggunaan bahasa yang sopan, berketerampilan dan persuasif secara lisan atau pertuturan. Oleh itu, penutur atau penulis perlu menguasai dan menggunakan retorik dengan baik bagi meraih perhatian khalayak dengan mengaplikasikan elemen-elemen retorik yang bersesuaian di samping dapat membantu untuk mengukuhkan lagi sesuatu pernyataan serta mempertahankan hujah-hujah yang cuba dikemukakan.

Ucapan pula merujuk kepada proses penyampaian mesej secara lisan yang dilakukan oleh penutur kepada pendengar dan merupakan salah satu medium komunikasi. Dalam konteks retorik, ucapan bukan aktiviti bertutur semata-mata, tetapi juga melibatkan seni penggunaan bahasa, intonasi, gaya, dan teknik persuasif untuk mempengaruhi dan menarik perhatian pendengar. Keberkesanan ucapan bergantung kepada kebolehan penutur dalam menyusun isi ucapan, memilih laras bahasa yang sesuai dan menggunakan strategi retorik yang mampu menggerakkan emosi, membina kepercayaan, serta meyakinkan audiens terhadap sesuatu idea atau hujah. Penguasaan terhadap teknik ucapan yang baik dan penggunaan retorik yang tepat sangat penting bagi memastikan mesej dapat disampaikan dengan jelas dan berkesan. Di Malaysia, penggunaan retorik dalam ucapan sangat ketara, terutamanya dalam bidang politik dan keagamaan. Ucapan pemimpin politik sering menggunakan pelbagai strategi retorik untuk membina kredibiliti, meyakinkan rakyat, dan menyatukan pelbagai lapisan masyarakat. Begitu juga dalam ucapan berbentuk dakwah dan motivasi, unsur emosi, kepercayaan, dan logik sering digabungkan untuk menghasilkan kesan komunikasi yang berkesan. Namun, terdapat keperluan untuk menganalisis secara lebih sistematik berdasarkan retorik moden dalam penghasilan teks ucapan yang berkualiti dan sesuai dengan kehendak komunikasi semasa.

Isu yang sering berlaku ialah ucapan tidak boleh disampaikan dalam bentuk literal semata-mata kerana khalayak mungkin sukar untuk memahami idea yang hendak disampaikan. Oleh hal yang demikian, retorik memiliki fungsi yang mampu untuk menyelesaikan masalah tersebut. Menurut Mat Dehan et al. (2017), retorik sangat penting dalam menyokong fungsi bahasa kerana tanpa penerapan retorik, idea tidak akan dapat disampaikan dengan lebih berkesan. Hal ini turut dinyatakan oleh Salleh et al. (2016) bahawa penyampaian sesuatu maklumat hendaklah menggunakan laras

bahasa yang tepat bagi mengelakkan kesalahfahaman antara penutur dengan penerima agar maklumat tersebut jelas dan mudah difahami. Selain itu, sesebuah perucapan akan kelihatan mendarat sehingga menyebabkan ucapan tersebut menjadi hambar. Oleh sebab itu, penerapan retorik ini sangat dititikberatkan supaya dapat memberikan roh terhadap sesuatu ucapan. Menurut Razak et al. (2016), retorik memberikan kesan mendalam terhadap ujaran, di samping keindahan bahasa yang diterapkan bagi menarik minat serta perhatian pendengar. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis jenis retorik yang digunakan dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-10 (PMX) sempena Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-19 Tahun 2024. Fokus akan diberikan terhadap jenis retorik yang digunakan dalam menyampaikan maklumat-maklumat yang penting kepada pendengar. Kajian ini diharapkan dapat memperkaya wacana ilmu retorik dan dapat juga membantu untuk membina pemahaman khalayak terhadap aspek retorik lantas menggunakannya dalam memberi pengucapan yang menarik.

Sorotan kajian

Perkembangan yang pesat dalam kajian berkaitan retorik menjadi salah satu perkara yang perlu dibanggakan. Hal ini demikian kerana kajian tentang retorik tidak hanya tertumpu kepada kajian teks semata-mata, tetapi ia juga meliputi kajian terhadap ucapan seperti kajian Imran dan Hashim (2022) yang mengkaji retorik dalam ucapan Perdana Menteri semasa pandemik. Kebolehan dalam menyampaikan ucapan yang baik sangat penting dikuasai oleh pemimpin sesebuah negara bagi memastikan segala maklumat dapat disalurkan dengan berkesan. Oleh hal yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk meneliti teks ucapan Perdana Menteri Malaysia yang ke-8 dalam menghadapi krisis covid 19. Pendekatan kualitatif telah diterapkan melalui kaedah analisis kandungan terhadap teks ucapan Perdana Menteri Malaysia yang telah dimuat naik dalam Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri Malaysia. Kajian ini hanya tertumpu kepada retorik naratif yang terdapat dalam teks ucapan tersebut berdasarkan teori retorik moden oleh Enos dan Brown (1993). Hasil kajian menunjukkan bahawa jenis retorik naratif memiliki nilai yang istimewa sehingga mampu menjadikan teks ucapan pemimpin tertinggi negara sangat baik. Selain itu, penerapan retorik naratif dalam ucapan pemimpin negara mampu memberi gambaran yang jelas terhadap mesej yang ingin disampaikan kepada rakyat serta mampu untuk menunjukkan keperihatinan pemimpin agar semua lapisan masyarakat dapat memahami setiap isi kandungan yang disampaikan.

Selain itu, kajian Hamid et al. (2022). Kejayaan sesuatu ucapan bergantung pada susunan kata yang dipilih untuk mempengaruhi pendengar melalui penggunaan strategi retorik yang berkesan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menghuraikan strategi retorik yang digunakan dalam teks perutusan khas Perintah Kawalan Pergerakan berdasarkan dua situasi yang berbeza. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif yang telah diterapkan bersama strategi retorik. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengucap telah memanfaatkan empat daripada lima strategi retorik iaitu ekspositori, eksplanatori, argumentatif dan ekspresif. Berdasarkan perbandingan antara kedua-dua teks perutusan, penggunaan strategi retorik dalam teks perutusan kedua lebih tinggi berbanding dengan teks perutusan pertama. Strategi retorik yang digunakan secara dominan dalam teks perutusan pertama merangkumi ekspositori sebanyak 54.17% berbanding dengan eksplanatori sebanyak 20.83%, manakala strategi retorik yang dominan digunakan dalam teks perutusan kedua pula ialah eksplanatori

sebanyak 45.10% berbanding dengan ekspositori sebanyak 29.41%. Hasil kajian ini juga membuktikan bahawa penggunaan strategi retorik yang berbeza perlu dititikberatkan bergantung pada situasi semasa yang dialami. Oleh itu, kajian ini boleh dijadikan sumber rujukan untuk merangka teks ucapannya yang lebih berkesan dan berkualiti terutamanya tentang hal-hal yang penting.

Di samping itu, kajian tentang retorik juga dilakukan oleh sarjana dari luar negara seperti kajian Sulistiyani dan Mukaromah (2018). Kajian ini dilakukan terhadap dua tokoh hebat yang merupakan Presiden Indonesia iaitu Susilo Bambang Yudhoyono dan Joko Widodo. Gaya retorik yang dimiliki oleh dua tokoh pemimpin tersebut sangat berbeza, di samping kedua-duanya memiliki keperibadian yang menarik. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis gaya retorik bekas Presiden Susilo Bambang Yudhoyono dan Presiden Joko Widodo. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan teori kod verbal dan kod non-verbal. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang ketara antara dua tokoh pemimpin tersebut dari segi gaya retorik yang ditunjukkan. Misalnya Susilo Bambang Yudhoyono sering menyampaikan ucapan dengan menggunakan bahasa yang formal dan baku, manakala Joko Widodo lebih gemar menggunakan bahasa percakapan seharian yang lebih mudah difahami oleh khalayak dan apa-apa yang hendak disampaikan lebih bersifat terus terang. Oleh itu, terbukti bahawa retorik bukan sahaja dapat diaplikasikan bagi menarik minat pendengar, malah retorik juga dapat membezakan identiti dan cara seseorang dalam menyampaikan sesuatu ucapan.

Instrumen dan Metod Kajian

Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini kerana data kualitatif sangat sesuai dengan kajian yang melibatkan pemerhatian terhadap manusia. Sehubungan dengan itu pendekatan kualitatif digunakan untuk memahami peristiwa sebenar dan konteks kajian yang hendak dilakukan tanpa memanipulasikan apa-apa keadaan sebenar. Menurut Jasmi (2012), terdapat tiga jenis data penyelidikan kualitatif yang dapat dihasilkan melalui pemerhatian, perbincangan dan bahan bertulis seperti petikan atau keseluruhan dokumen, surat-menyurat, rakaman dan kes sejarah. Hal ini mempunyai kaitan yang rapat dengan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji kerana melibatkan bahan bertulis iaitu teks ucapan. Oleh hal yang demikian, kajian ini mengaplikasikan kaedah analisis teks bagi memperoleh maklumat dan data. Segala data yang diperlukan dalam kajian ini diambil berdasarkan objektif kajian. Data kajian akan dianalisis mengikut urutan perenggan (P) dan halaman (H) dalam bahan kajian berdasarkan teori retorik moden oleh Enos dan Brown (1993) bagi menganalisis jenis retorik yang digunakan dalam teks ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-10 sempena Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-19 Tahun 2024.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Bahagian ini akan membincangkan tentang jenis retorik yang digunakan dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-10 sempena Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-19 Tahun 2024. Berdasarkan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993), terdapat lima jenis retorik yang dikemukakan, namun hanya empat jenis retorik sahaja yang diterapkan dalam teks ucapan tersebut.

Retorik penceritaan

Secara umumnya, retorik penceritaan merujuk seni penggunaan bahasa untuk menceritakan tentang sesuatu perkara atau idea secara tersusun berdasarkan urutan tertentu iaitu permulaan, pengembangan, klimaks dan penutup. Oleh hal yang demikian, pemilihan diksi yang tepat dan sesuai dapat membantu untuk menyampaikan jalan cerita dengan lebih menarik. Sehubungan dengan itu, terdapat pelbagai teknik penceritaan yang boleh diaplikasikan dalam memaparkan peristiwa atau jalan cerita. Menurut Hamed dan Yaapar (2015), teknik penceritaan terbahagi kepada plot, watak, latar, tema dan gaya penceritaan. Pandangan yang sama dikemukakan oleh Razak et al. (2016) dengan menambah unsur persoalan, sudut pandangan dan gaya bahasa sebagai elemen penting dalam penyampaian jalan cerita. Justeru, dalam konteks retorik penceritaan hanya melibatkan dua pihak iaitu penyampai dan penerima cerita yang dapat dikenal pasti melalui penggunaan kata ganti nama diri.

Saya harap mulai hari ini, bila saya umumkan satu peningkatan yang paling tinggi dalam sejarah, maknanya mulai hari Isnin kita mahu lihat semangat dalam budaya kerja yang baru di kalangan penjawat awam. Kerana tidak bermakna kalau kita tingkatkan tetapi rakyat tanya “Mengapa dulu kami tunggu 2 jam untuk mendapat lesen, sekarang masih 2 jam?”, “Mengapa kalau tunggu 2 minggu untuk mendapat kelulusan, mesti terus 2 minggu?” Jadi mesti ada suatu ikhtiar, iltizam, kecekapan pentadbiran yang baru yang saya minta nanti KPPA pastikan ia dilaksanakan tanpa tolak ansur.

(Petikan 1: P 7, H 6-7)

Berdasarkan petikan 1, PMX menggunakan teknik imbas muka yang merupakan salah satu komponen dalam binaan plot. Teknik imbas muka digunakan untuk menggambarkan perkara yang akan berlaku pada masa akan datang berpunca daripada tindakan-tindakan yang dilakukan. Misalnya, PMX menggambarkan bahawa semangat dan budaya kerja penjawat awam akan berubah selepas pengumuman skim gaji yang baharu. Selain itu, PMX turut membayangkan persoalan yang mungkin ditimbulkan oleh rakyat berkaitan layanan daripada penjawat awam yang tidak efisien tidak sepatutnya berlaku lagi selepas pelaksanaan Skim Persaraan Gaji Perkhidmatan Awam yang baharu. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa, penggunaan teknik yang tepat mampu untuk menyampaikan jalan cerita dengan lebih jelas dan mudah difahami.

Retorik pemujukan

Retorik pemujukan melibatkan pemilihan kata atau bahasa yang efektif bagi memujuk pembaca supaya tertarik dengan sesuatu perkara atau mesej yang hendak disampaikan. Jenis retorik pemujukan boleh dibahagikan kepada dua bentuk utama, iaitu pemujukan rasional dan pemujukan tidak rasional. Secara amnya, retorik pemujukan sering diterapkan dalam penghasilan iklan agar dapat menarik perhatian pembeli. Haroon (2015) menegaskan bahawa iklan tanpa unsur retorik kurang menarik berbanding iklan yang memanfaatkan unsur retorik. Tambahan pula, menurut Rosli et al. (2020), bahasa memujuk sering digunakan untuk mempengaruhi pemikiran sekaligus meyakinkan seseorang terhadap ujaran yang diberikan serta menyebabkan sesuatu tindakan akan berlaku. Oleh itu, bahasa yang bersifat persuasif turut memainkan peranan dalam membentuk kepercayaan dan pandangan audiens terhadap sesuatu isu dalam sesebuah ucapan mahupun penulisan.

Kerana tekad kita bukan sahaja mencintai negara, tapi mengangkat martabat negara dan kita di kalangan yang yakin bahawa sekiranya tahap ini dapat kita tingkatkan, kerja kita diperbaiki, bersihkan negara daripada amalan jijik rasuah dan penyelewengan dan kemalasan. Saya yakin insya-Allah dengan kekuatan saudara-saudara, dengan semangat penjawat awam, kita boleh tingkatkan semula tahap negara ini sebagai negara yang cemerlang di rantau Asia.

(Petikan 2: P 5, H 6)

Retorik pemujukan yang ditonjolkan dalam petikan 2 bersifat pemujukan rasional kerana melibatkan penggunaan fakta dan data yang kukuh bagi mempengaruhi audiens. Petikan tersebut menunjukkan bahawa PMX hendak memujuk semua penjawat awam agar mempertingkatkan lagi kualiti kerja dan membersihkan nama baik negara daripada perkara yang tidak baik melalui kerjasama yang diberikan. Fakta-fakta yang dikemukakan dalam petikan ini berkaitan usaha yang boleh dilakukan bagi meningkatkan semula martabat negara kepada yang lebih baik berbanding sebelum ini. Dengan penggunaan bahasa yang bersifat memujuk dapat mempengaruhi pendengar terutamanya penjawat awam untuk mengubah sikap kepada yang lebih baik. Misalnya penggunaan perkataan ‘yakin’ boleh mempengaruhi pendengar agar mempercayai segala usaha akan membuahkan hasil, manakala penggunaan perkataan ‘kita’ menggambarkan bahawa segala kejayaan itu diperoleh secara bersama. Keadaan ini dapat menaikkan semangat semua penjawat awam dan dapat melahirkan satu budaya kerja yang lebih baik pada masa akan datang.

Retorik pendedahan

Retorik pendedahan melibatkan penggunaan bahasa bagi mendedahkan, menyingkap, menampakkan, menunjukkan atau memaparkan sesuatu perkara dengan jelas dan terperinci. Menurut Yaakob et al. (2018), retorik pendedahan sesuai digunakan untuk menjelaskan konsep, pandangan, cadangan, proses, menerangkan konsep, menghuraikan hasil kajian, menginterpretasi peristiwa, menganalisis masalah sosial dan isu politik, serta definisi atau sejarah. Di samping itu, retorik pendedahan berfungsi sebagai medium pemindahan idea daripada pengucap kepada pendengar yang melibatkan fakta, pengalaman, definisi atau proses yang kompleks. Ibrahim et al. (2018) menambah bahawa retorik pendedahan berupaya memperjelas proses atau tindakan yang sebelumnya kurang difahami oleh audiens. Berdasarkan kajian ini, didapati bahawa retorik pendedahan dimanfaatkan dengan optimum untuk menyampaikan maklumat secara terperinci dan mudah difahami oleh pendengar.

Tidak mungkin kita teruskan dengan amalan biasa. Siapa yang bekerja, ikut 10 tahun, 15 tahun, 20 tahun dia naik pangkat ikut biasa. Tidak boleh lagi dah kita teruskan prinsip tersebut. Dia bekerja, dia berkhidmat dengan baik, kita naikkan walaupun belum cukup 10 tahun. Kalau dia lembab, malas dan cuai, walaupun dia bekerja 20 tahun, peningkatan tidak akan diberikan.

(Petikan 3: P 9, H 7-8)

Petikan 3 tersebut menunjukkan jenis retorik pendedahan untuk mendedahkan sesuatu perkara yang baharu atau belum diketahui oleh audiens. Dalam hal ini, retorik pendedahan telah digunakan oleh PMX untuk menjelaskan bahawa kerajaan tidak lagi mengamalkan prinsip kenaikan pangkat yang lama, sebaliknya Skim Persaraan Gaji

Perkhidmatan Awam yang baharu ini akan dinilai berdasarkan prestasi yang ditunjukkan oleh setiap penjawat awam tanpa perlu mengira tempoh masa berkhidmat. Dengan ini, PMX telah mendedahkan satu perkara yang baharu yang belum diketahui oleh audiens. Hal ini sangat menepati fungsi retorik pendedahan iaitu untuk mendedahkan maklumat kepada khalayak atau audiens supaya mengetahui dan memahami tentang inti pati berkaitan Skim Persaraan Gaji Perkhidmatan Awam yang baharu.

Retorik penghujahan

Retorik penghujahan merujuk kepada kebenaran terhadap pendapat yang dikemukakan sama ada mendapatkan atau memberikan sokongan serta menyatakan penentangan terhadap sesuatu perkara. Retorik penghujahan dapat meraih kepercayaan khalayak melalui fakta atau bukti yang dikemukakan (Bakar and Hamzah, 2016). Oleh hal yang demikian, semakin banyak fakta yang jelas dapat dikemukakan, semakin kuat kebenaran atau kepercayaan terhadap sesuatu perkara. Sehubungan dengan itu, audiens akan lebih yakin dengan hujah yang disampaikan kerana dapat dibuktikan melalui fakta-fakta yang jelas. Retorik ini juga dikenali sebagai pemujukan intelek. Menurut Mat Dehan (2016), retorik penghujahan digunakan untuk mempengaruhi pemikiran audiens agar yakin dan bersetuju dengan pendapat yang diutarakan oleh penutur. Oleh itu, pembaca akan lebih yakin dengan hujah yang dapat dibuktikan melalui fakta-fakta yang jelas. Teknik retorik penghujahan merangkumi teknik penyampaian idea secara induksi dan deduksi.

Saudara saudari benteng negara. Benteng ini bermakna jaminan keamanan, jaminan pemacuan ekonomi, jaminan kesejahteraan sosial, jaminan kewarasan melalui nilai yang baik, bukan meniupkan api kebencian dan fitnah yang merosakkan banyak negara-negara termasuk beberapa negara Asia. Percayalah saudara, dalam Kerajaan kita tidak akan izinkan penyalahgunaan dan seperti mana saya sebut pihak rakan-rakan Menteri yang hadir, pendirian kami dalam urusan tata kelola mengelakkan rasuah tidak akan tolak ansur. Saya mohon kerjasama saudara-saudara kerana Sistem Saraan Malaysia yang kita kaji sejak Julai tahun lalu secara serius, fokus kepada aspek kemampunan saran, pembangunan organisasi dan pengurusan bakat.

(Petikan 4: P 18, H 15)

Berdasarkan petikan 4, retorik penghujahan yang digunakan berbentuk deduksi iaitu dengan menyatakan suatu kenyataan yang umum lalu diikuti dengan maklumat serta fakta yang khusus. Hal ini jelas terlihat pada usul atau hujah yang dikemukakan secara umum oleh PMX iaitu rakyat Malaysia sebagai benteng negara. Seterusnya, usul tersebut disokong dengan penjelasan yang lebih khusus tentang jaminan dan peranan rakyat dalam memelihara negara daripada berlakunya kerosakan dengan mengumpamakan beberapa negara Asia yang lain. Tambahan lagi, peranan pihak kerajaan yang turut serta dalam usaha untuk memelihara negara dapat mengukuhkan lagi usul yang dikemukakan. Akhir sekali, pembuktian terhadap usul tersebut jelas melalui kajian yang dilakukan terlebih dahulu sebelum usul tersebut diumumkan kepada rakyat Malaysia.

Kesimpulan

Penerapan retorik dalam ucapan atau tulisan perlu dipandang serius untuk menghasilkan satu wacana yang baik. Kajian ini telah membuktikan bahawa elemen retorik telah berjaya diaplikasikan dalam penulisan teks ucapan tersebut. Dalam teks ucapan yang dianalisis, terdapat empat jenis retorik telah diterapkan iaitu retorik penceritaan, pemujukan, pendedahan dan penghujahan, manakala retorik pemerian tidak digunakan kerana mungkin tidak sesuai dengan ciri-ciri dan tujuan ucapan tersebut. Pengkaji telah membincangkan satu per satu data kajian dan hasil daripada pengenalanpastian jenis retorik yang diterapkan dalam teks ucapan sempena Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-19, pengkaji mendapati bahawa jenis retorik pendedahan dan retorik penghujahan paling sesuai diterapkan kerana bertepatan dengan fungsi ucapan tersebut yang bertujuan untuk mendedahkan sesuatu maklumat yang sebelum ini belum diketahui oleh khalayak, manakala retorik penghujahan pula digunakan untuk menyokong segala gagasan idea yang diutarakan dengan bukti-bukti yang kukuh. Di samping itu, retorik pemujukan digunakan untuk memujuk khalayak terutamanya penjawat awam supaya bersetuju dengan perkara yang diumumkan oleh kerajaan, manakala retorik penceritaan pula berfungsi untuk memberi kefahaman kepada khalayak melalui jalan cerita yang ringkas dan mudah difahami. Namun begitu, pengaplikasian setiap jenis retorik ini masing-masing memainkan peranan penting dalam membantu untuk memudahkan penyampaian sesuatu idea atau perkara kepada khalayak dengan berkesan. Tambahan pula, pengkaji berpendapat bahawa retorik merupakan satu bidang ilmu yang mempunyai kaitan rapat dengan kehidupan seharian sama ada secara sedar atau tidak. Hal ini demikian kerana, khalayak telah terdedah dengan perkara-perkara yang berunsurkan retorik secara langsung mahupun tidak langsung, tetapi kemungkinan mereka tidak sedar atau tidak mengetahui secara mendalam tentang bidang retorik. Misalnya, dalam urusan jual beli setiap hari di pasaraya mahupun kedai-kedai runcit, iklan-iklan dalam pelbagai bentuk sama ada bercetak atau elektronik yang sudah jelas mengandungi elemen retorik bagi menarik perhatian khalayak untuk membeli. Sehubungan dengan itu, penerokaan ilmu dalam bidang retorik perlu diteruskan dan diperbanyak lagi agar khalayak akan memahami dengan lebih jelas tentang selok belok bidang retorik. Diharapkan kajian-kajian akan datang akan memperincikan lagi aspek retorik sama ada secara lisan atau tulisan.

Penghargaan

Pengarang merakamkan ribuan terima kasih kepada Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam kerana telah membiayai kajian ini dari awal hingga ke akhir dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penulisan makalah ini.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Bakar, M.M.A., Hamzah, Z.A.Z. (2016): Retorik Sosioekonomi Masyarakat Dalam Laporan Media Cetak. – *Jurnal Linguistik* 20(1): 010-025.
- [2] Enos, T., Brown, S.C. (1993): *Defining the New Rhetorics*. – Newbury Park, California: Sage Publishing 17p.
- [3] Hamed, M.N.S., Yaapar, M.S. (2015): Adaptasi Teks Hikayat Merong Mahawangsa Kepada Filem: Analisis Perbandingan Unsur Naratif. – *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 8(2): 201-223.
- [4] Hamid, M.F.A., Jabar, M.A.A., Rodi, R.C., Halim, A.A. (2022): Strategi Retorik dalam Teks Perutusan Khas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk Membendung Wabak Covid-19 di Malaysia. – *Jurnal Linguistik* 26(2): 038-051.
- [5] Haroon, H. (2015): Penterjemahan Gaya Bahasa daripada Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu dalam Baris Kepala Iklan. – *Jurnal Komunikasi* 31(1): 1-26.
- [6] Ibrahim, N.H., Yusoff, M.F.M., Ali, R.M. (2018): Leftenan Adnan: Manifestasi Penggunaan Retorik dalam Filem. – *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Special Issue* 2(1): 578-585.
- [7] Imran, H.A., Hashim, N. (2022): Retorik Naratif dalam Teks Ucapan Perdana Menteri Semasa Era Pandemik. – *Seminar Bahteradaya 2022: Naradata Bahasa, Sastera dan Budaya II Penyelidikan Bahasa, Sastera dan Budaya* 1(1): 209-213.
- [8] Jasmi, K.A. (2012): Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. – *In Kertas Kerja Kursus Penyelidikan Kuakitatif Siri 1* 15p.
- [9] Kamaruddin, R., Rosli, M.N.A., Salleh, M.M., Seruji, Z., Sha'ri, S.N., Veeraputhran, V., Mani, M. (2020): Narrative Rhetorical in Hikayat Merong Mahawangsa. – *PalArch's Journal of Archaeology of Egypt/Egyptology* 17(9) 3153-3180.
- [10] Mat Dehan, A. (2016): Retorik dalam Novel A. Samad Said. – *Universiti Putra Malaysia* 86p.
- [11] Mat Dehan, A., Yaakob, N.A., Nik Azis, N.F.A. (2017): Penerapan Retorik Gaya Skema dalam Pengkaryaan Novel Salina. – *Journal of Business and Social Development* 5(1): 60-78.
- [12] Razak, N.A., Salleh, C.I., Musa, H. (2016): Titah Ucapan Pembukaan Dewan Undangan Negeri Kelantan Oleh Sultan Muhammad V: Satu Analisis Retorik. – *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA* 3(1): 79-93.
- [13] Rosli, M.N.A., Kamaruddin, R., Rodi, R.C., Veeraputhran, V., Sha'ri, S.N. (2020): Persuasive Rhetorical in Hikayat Merong Mahawangsa. – *PalArch's Journal of Archaeology of Egypt / Egyptology* 17(9): 878 - 890.
- [14] Salleh, S.N.A., Rosly, N.S., Bolhassan, N., Dehan, A.M. (2016): Keanekaragaman Ciri Laras Bahasa Kreatif (Sastera) dalam Penulisan Novel Hujan Pagi. – *Jurnal Ilmi* 6(1): 11-28.
- [15] Sulistiyani, D., Mukaromah, M. (2018): Gaya Retorika Kepala Negara Ri: Analisis Komparatif Susilo Bambang Yudhoyono (Sby) Dan Joko Widodo. – *Jurnal Audience* 1(1): 31-44.
- [16] Yaakob, N.A., Hamzah, Z.A.Z., Zain, N.M., Abdullah, S.N.S. (2018): Penerapan Retorik dalam Penyampaian Ceramah Agama. – *Jurnal Linguistik* 22(22): 054-067.